

# **PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

**BIL. 02 /2016**

## **GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PEMBELIAN ASET IT, ALAT PANDANG DENGAR, PERALATAN ELEKTRONIK PEJABAT DAN MAKMAL, TELEKOMUNIKASI DAN SUMBER DIGITAL DAN PERALATAN SAINTIFIK UNIVERSITI**

### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan menyelaras dan menyediakan garis panduan bagi perolehan aset IT, Alat Pandang Dengar, Peralatan Elektronik Pejabat Dan Makmal, Telekomunikasi Dan Sumber Digital Dan Peralatan Saintifik Universiti.

### **LATAR BELAKANG**

2. Penyusunan semula tadbir urus Universiti dibawah 1UiTM Multisistem yang telah pun diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti 1 September 2015.
3. Penyusunan tadbir urus secara tidak langsung telah melibatkan penyusunan semula jawatankuasa serta had kuasa kelulusan dan peruntukan perolehan aset yang meliputi IT, alat pandang dengar, peralatan elektronik pejabat dan makmal, telekomunikasi dan sumber digital dan peralatan saintifik di peringkat Eksekutif dan peringkat Operasi UiTM Negeri (seperti di LAMPIRAN 1)

### **PERLAKSANAAN**

4. Oleh yang demikian, Pejabat Bahagian Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur, UiTM Shah Alam dan UiTM Negeri adalah diminta menguruskan pelantikan ahli dan mengadakan mesyuarat agar kelulusan dan perolehan had nilai sedia ada dapat dilaksanakan dengan kadar segera sehingga cadangan ketetapan had nilai yang baru diluluskan
5. Unit Pengurusan Risiko akan menjalankan pemantauan bagi memastikan perkara ini dapat dilaksanakan dan berjalan dengan licin.

## **TARIKH PEKELILING BERKUATKUASA**

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 29 April 2016

Yang benar



**PROF. IR . DR ABDUL RAHMAN OMAR, JSM**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Dikelilingkan kepada :

*Penolong Naib Canselor (Pembangunan Infrastruktur dan Infotsruktur)  
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Ketua Unit Pengurusan Risiko  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor- Rektor Kampus Negeri*

Bil. Fail : 100-UiTM (TNC (P&I) 6/4)  
Tarikh : 29 April 2016

**A. Jawatankuasa di peringkat Eksekutif (Tier 2)**

Bil	Jawatankuasa Asal	Jawatankuasa Baru	Pengerusi	Pengerusi Ganti	Urusetia	Had Kelulusan (RM)	Kuasa jawab	Skop Tugas dan Tanggung jawab
1.	Jawatankuasa Penilaian Penggunaan Komputer (JPPK)	Jawatankuasa Pembangunan IT (JPPI)	Pen. Naib Canselor (PPI)	Pengarah (Bahagian Infrastruktur)	Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur (PPII)	Melebihi RM50,000.00	Meuluskan permohonan perolehan ICT merangkumi skop IT, alat pandang dengan peralatan elektronik pejabat dan makmal, telekomunikasi dan sumber digital	Meuluskan permohonan perolehan ICT merangkumi skop IT, alat pandang dengan peralatan elektronik pejabat dan makmal, telekomunikasi dan sumber digital
2.	Jawatankuasa Penilaian ICT (JPICIT)	Jawatankuasa IT dan Elektronik (JITE)	Pengarah (Bahagian Infrastruktur PPII)	Timbalan Pengarah (Bahagian Infrastruktur)	PPII	Skop teknikal melebihi RM50,000.00	Meuluskan spesifikasi teknikal peralatan ICT (dari segi teknikal) merangkumi skop IT, alat pandang dengan peralatan elektronik pejabat dan makmal, telekomunikasi dan sumber digital	Meuluskan spesifikasi teknikal peralatan ICT (dari segi teknikal) merangkumi skop IT, alat pandang dengan peralatan elektronik pejabat dan makmal, telekomunikasi dan sumber digital
3.	Jawatankuasa Penilaian Peralatan Saintifik (JKPPS)	Jawatankuasa Peralatan Saintifik (JPS)	PNC (P&I)	PNC (PPII)	IRMI	Melebihi RM500,000.00	Menilai peralatan saintifik, menyemak memperaku dasar dan ganispanduan, mengesyorkan peruntukan peralatan	Menilai peralatan saintifik, menyemak memperaku dasar dan ganispanduan, mengesyorkan peruntukan peralatan

**B. Jawatankuasa di Peringkat Operasi UiTM Negeri (Tier 3)**

Bil	Jawatankuasa Asal	Jawatankuasa baru	Pengerusi	Pengerusi Ganti	Urusetia	Had Meluluskan	Kuasa	Skop Tugas dan Tanggung jawab
1.	Jawatankuasa Teknikal ICT	JK IT & Elektronik Negeri (JiTEN)	Rector	Timbalan Rektor	Pejabat Pengurusan Fasiliti dan ICT (PPFICT)	RM50,000.00 dan ke bawah		Meluluskan permohonan perolehan ICT merangkumi skop IT, alat pandang dengan peralatan elektronik pejabat dan makmal, telekomunikasi dan sumber digital
2.	Jawatankuasa Teknikal ICT	JK IT & Elektronik Penyelidikan (JiTEP)	PNC (P&I)	PNC (PPII)	IRMI	RM50,000.00 dan ke bawah		Meluluskan permohonan perolehan ICT merangkumi skop IT, alat pandang dengan peralatan elektronik pejabat dan makmal, telekomunikasi dan sumber digital.
3.	Jawatankuasa Teknikal ICT	Jawatankuasa Teknikal Peralatan PTJ	Calon PTJ yang dilantik oleh Rektor	Calon PTJ yang dilantik oleh Rektor	PTJ	PTJ masing-masing	Semua peralatan bernilai RM500,000.00 dan kebawah	Menilai peralatan, menyemak justifikasi, memperku spesifikasi teknikal.